

02/05/1998

Tabung Khas: NGO, kesatuan membisu

HH

LEE Jong-bom, 27, kini bintang besbol kelab profesional Chunichi Dragons, baru-baru ini dilaporkan menderma 900 gram emas bernilai lebih 12 juta won (kira-kira RM31,873) kepada cawangan bank di tempat tinggalnya di Kwangju. Emas dalam pelbagai bentuk termasuk trofi, pingat, miniaturne pemukul besbol dan sarung tangan itu adalah hadiah ketika lima tahun beraksi dengan Haitai Tigers yang pernah menjadi juara sembilan kali di Korea. Dilaporkan sehingga April lalu, hampir 200 tan metrik emas dikumpulkan oleh beribu rakyat Korea dengan 130 tan sudah dieksport bagi mendapatkan pertukaran asing. Malah, emas muncul sebagai eksport kedua paling besar negara itu beberapa bulan lalu.

Presiden Kim Dae-jung juga turut menderma. Beliau membawa perhiasan iaitu seekor kura-kura dan empat anak kunci daripada emas tulen ke sebuah cawangan bank di Seoul untuk Tabung Pemulihan Ekonomi Negara. Isteri beliau juga turut menderma barang kemasnya. Mereka turut berbuat demikian selepas begitu terharu dengan sokongan rakyat terhadap usaha kerajaan memulihkan negara, lantaran merasakan tanggungjawab itu perlu dilakukannya sebagai pemimpin sebuah negara yang kini menghadapi kegawatan.

Kisah Chon Song-hwan, 43, seorang pemilik kedai emas berdekatan Taegu, di selatan negara itu menjadi berita utama akhbar tempatan. Demi untuk negara, beliau menjual emas yang dipamerkan di kedainya pada harga 50 juta won. Kini akhbar tempatan terus mengejar cerita-cerita mengenai siapakah antara rakyat mereka yang sanggup berkorban untuk negara.

Di Korea, menjadi satu budaya sejak berzaman bagi penduduknya mengemari barangan kemas. Kini, sebagaimana mereka sanggup berhabis untuk membelinya, begitu jugalah ketika menghadapi kegawatan. Mereka juga sanggup berhabis untuk membantu negara di ambang muflis.

Apabila kempen menderma wang dan emas ini mula dilancarkan oleh Korean Broadcasting System (KBS), sebuah badan penyiaran milik kerajaan Januari lalu, berjuta penduduk negara itu bertali arus datang ke bank yang dilantik mengutipnya - membawa gelang tangan, cincin, rantai dan pelbagai barangan kemas lain. KBS turut dibantu oleh bank dan juga Shinsegae Department Store yang membuka kaunter di rangkaian gedung beli-belah mereka.

Inilah tindak balas rakyat negara itu membantu kerajaan bagi membayar balik sebahagian daripada AS\$57 billion (kira-kira RM215.46 bilion) hutang Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Kajian ahli ekonomi dan penganalisis mendapati pemilikan emas persendirian oleh rakyat Korea kira-kira 2,700 tan metrik - bernilai antara AS\$27 bilion hingga AS\$30 bilion di pasaran terbuka. Jumlah itu cukup untuk menampung separuh daripada hutang kepada IMF.

Kini kempen digiatkan bagi mendapatkan derma itu. Malah bagi menggalakkan golongan bangsawan dan kelas atasan menderma barangan berharga dan wang mereka, Kerajaan Korea memberi jaminan merahsiakan identiti golongan itu.

Rabu lalu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah, mengumumkan sumbangan rakyat kepada Tabung Khas Negara yang ditubuhkan pada 6 Mac lalu bagi membantu menangani kegawatan negara, sehingga kini berjumlah RM2,470,701.90. Dengan memberi alasan barangkali ramai lagi tidak tahu mengenai kewujudan tabung itu, tarikh terakhir 6 April 1998 bagi pungutan, dilanjutkan kepada 6 Julai. Daripada jumlah yang dipungut, wang tunai dalam bentuk ringgit berjumlah RM1.817 juta, mata wang asing RM80,193,

barangan kemas dianggarkan kira-kira tujuh kilogram bernilai RM273,150 manakala barang-barang kemas/batu-batu permata bernilai RM300,000. Wang dan emas itu yang disumbangkan melalui Bank Simpanan Nasional, Bank Islam Malaysia Bhd dan Bank Kerjasama Rakyat Bhd, itu akan digunakan untuk mempertingkatkan rizab tukaran wang asing. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga menyumbang pengumpulan wang asing peribadinya berjumlah RM15,000.

Sebagaimana yang kita ketahui, tiada jumlah sasaran ditetapkan untuk tabung yang diuruskan Perbendaharaan dan Pejabat Ketua Akauntan Negara itu. Mereka yang menyumbang lebih daripada RM10,000 hanya diberikan sijil khas.

Kutipan yang diterima setakat ini memanglah tidak boleh dijadikan kayu pengukur sejauhmana pengorbanan rakyat membantu negara dan kerajaan ketika ini.

Lagipun, tiada paksaan dalam menderma. Kerajaan juga tidak menggalakkan dan tidak pula menahan siapa yang mahu menghulur.

Barangkali juga rakyat kita masih merasakan masalah ekonomi yang dihadapi sekarang tidaklah terlalu kritikal. Apatah lagi setakat ini kita tidak memerlukan langsung dana IMF. Ini mungkin juga menjadi penyebab mengapa tidak ramai yang tampil dengan sumbangan.

Kita rakyat Malaysia memangnya sangat pemurah. Boleh dikatakan jika ada tabung derma diadakan terutama membantu mereka yang malang, yang memerlukan duit untuk tujuan perubatan, ia pasti tidak menghampakan. Malah pada 1986, rakyat sanggup menderma kepada tabung yang ditubuhkan semata-mata untuk membayar siaran langsung pertandingan bola sepak Piala Dunia. Ini bermakna rakyat sanggup menghulur jika wang diperlukan. Apatah lagi jika ia dikempenkan. Jika tidak, bagaimana boleh ada kalangan pengemis di kota besar mampu hidup mewah dan tidak pernah berlapar!

Pada masa yang sama, jika kita fikirkan apalah gunanya ada tabung seperti Tabung Khas Negara ini, jika akhirnya ia ditutup dengan tidak ramai menyumbang. Barangkali, bagi kerajaan, agak segan-silu meminta derma rakyat kerana kitapun bukan di tahap kritikal. RTM pun tidak berkempen meminta rakyat menderma. Menteri dan Timbalannya pun tidak ada yang menyentuh mengenai tabung itu dalam ucapan mereka. Kalau ada pun, mereka akan kata tiada paksaan. Mungkin mereka diarahkan jangan berbuat demikian.

Bagaimanapun, Ketam Batu merasakan langkah melanjutkan tarikh itu dan `cakap berlapik' Timbalan Menteri kononnya ramai tidak tahu kewujudan tabung itu, barangkali membayangkan rasa dukacita mereka. Apatah lagi, pemimpin badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin kesatuan sekerja, persatuan pengguna dan swasta hanya membisu. Tiada yang berkempen mengenai tabung ini. Mereka lebih berminat mendesak bermacam-macam lagi, seperti tambah dividen KWSP, bayar bonus, naik gaji walaupun tahu kita dalam kegawatan daripada meminta ahli menderma kepada tabung itu. Swasta pula sibuk minta pelbagai kelonggaran dan bantuan kewangan!

(END)